

PEN: 03/2025/01 (MBRR)

Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Malaysia telah mengeluarkan kenyataan seperti berikut :

PERATURAN PENETAPAN TARIKH AWAL SYAWAL

“Bagi menyempurnakan titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, setelah diperkenankan oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja, Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja mengisytiharkan bahawa tarikh bagi melihat anak bulan Syawal ialah pada petang hari **Ahad, 30 Mac 2025 Masihi** bersamaan **29 Ramadan 1446 Hijrah.**”

2. Jawatankuasa-jawatankuasa yang berkenaan telah diperkenankan melihat anak bulan Syawal pada petang hari tersebut di tempat yang berikut:-

- 2.1. Baitul Hilal Bangunan Sultan Ismail, Pontian, Johor;
- 2.2. Kompleks Falak Al-Khawarizmi, Kampung Balik Batu, Tanjung Bidara, Melaka;
- 2.3. Kompleks Baitul Hilal Telok Kemang, Port Dickson, Negeri Sembilan;
- 2.4. Baitul Hilal Bukit Melawati, Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan;
- 2.5. Baitul Hilal Bukit Jugra, Banting, Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan;
- 2.6. Balai Cerap Selangor, Sabak Bernam, Selangor Darul Ehsan;
- 2.7. Baitul Hilal Pantai Pasir Panjang, Mukim Pengkalan Baru, Daerah Manjong, Perak Darul Ridzuan;
- 2.8. Pusat Falak Sheikh Tahir, Pantai Aceh, Pulau Pinang;
- 2.9. Stesen Cerapan Hilal Kampung Pulau Sayak, Kuala Muda, Kedah Darul Aman;
- 2.10. Stesen Cerapan Hilal Pemandangan Indah, Pulau Langkawi, Kedah Darul Aman;
- 2.11. Menara Alor Setar, Alor Setar, Kedah Darul Aman;

- 2.12. Stesen Cerapan Hilal Bukit Besar, Kuala Terengganu, Terengganu;
- 2.13. Stesen Cerapan Hilal Bukit Geliga, Kemaman, Terengganu;
- 2.14. Stesen Cerapan Hilal Pulau Perhentian, Besut, Terengganu;
- 2.15. Balai Cerap KUSZA, Mukim Merang, Setiu, Terengganu;
- 2.16. Stesen Cerapan Hilal Bukit Peraksi, Pasir Puteh, Kelantan;
- 2.17. Stesen Cerapan Hilal Bukit Kampong Tembeling, Mukim Manjur, Daerah Olak Jeram, Kuala Krai, Kelantan;
- 2.18. Stesen Cerapan Hilal Menara Bangunan SEDC, Jalan Tengku Putra Semerak, Kota Bharu, Kelantan;
- 2.19. Pusat Falak Miri, Esplanade Luak, Miri, Sarawak;
- 2.20. Teluk Bandung, Kuching, Sarawak;
- 2.21. Pusat Falak Bintulu, Sarawak;
- 2.22. Balai Cerap Al-Biruni, Tanjung Dumpil, Putatan, Sabah;
- 2.23. Tapak Cerapan Hilal Bukit Tanjong Batu, Nenasi, Pahang;
- 2.24. Stesen Cerapan Hilal Gunung Berincang, Cameron Highlands, Pahang;
- 2.25. Menara 188, Kuantan Pahang;
- 2.26. Menara Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan;
- 2.27. Menara Kuala Lumpur, Kuala Lumpur;
- 2.28. Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, Putrajaya; dan
- 2.29. Menara Pandang, Masjid Al-Hussain, Kuala Perlis, Perlis

3. Majlis Raja-Raja telah mempersetujui bahawa cara menetapkan tarikh Awal Ramadan adalah berdasarkan Rukyah dan Hisab.
4. Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja akan mengisytiharkan pada malam itu juga Tarikh Awal Syawal yang ditetapkan melalui Radio dan Televisyen.

PERINGATAN : PERKATAAN-PERKATAAN DI ATAS TIDAK BOLEH DIPINDA.

MUSTAHAK : TIDAK BOLEH DISIARKAN SEBELUM 20 MAC 2025.

Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja,
KUALA LUMPUR
17 Mac 2025 / 17 Ramadan 1446

Bilik Berita
Bahagian Media dan Komunikasi Korporat (BMKK)
Jabatan Penerangan Malaysia
03-8911 7381
20 Mac 2025